

50 jayakan bengkel Mualaf PIUMS

UB 8.4.2017 A3

KOTA KINABALU: Pusat Islam, Universiti Malaysia Sabah (PIUMS) berjaya menganjurkan bengkel Mualaf/Saudara Baharu Siri 1/2017 bertempat di Masjid UMS baru-baru ini.

Menurut penyelaras program Ainah Ramlan Angusa, bengkel sehari itu bertujuan memberikan pendedahan tentang budaya hidup penganut agama Islam serta mengeratkan silaturahim antara saudara baharu dari Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan mualaf.

“Harapan saya pada masa akan datang program seumpama ini akan dibuat lagi bagi memberikan pengisian rohani yang mantap kepada saudara baharu sama ada daripada warga UMS sendiri dan juga masyarakat luar,” katanya.

Bengkel berkenaan melibatkan tiga penceramah yang terdiri daripada Pensyarah Kanan, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Issraaq Hj. Ramli yang menyampaikan ceramah bertajuk ‘Akhlak Seorang Muslim’, Pengarah PIUMS Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat dengan tajuk ceramah ‘Indahnya Akidah Islam’ dan Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan Md Razali Saibin dengan ceramah ‘Indahnya Hidup Bersyariat’.

Antara peserta bengkel yang hadir ialah pasangan suami isteri Rinduh Lian, 66 tahun dan Gontuk Sidup, 63 tahun dari Kampung Maringking, Tenghilan yang baharu tujuh bulan menjadi saudara baharu.

“Saya sangat gembira kerana dapat menghadiri bengkel ini bersama suami saya. Kami dapat bersama-sama menimba ilmu dan belajar perkara-perkara yang patut dilakukan oleh seorang Muslim,” kata Rinduh ketika ditemui media.

Bengkel itu disertai 50 saudara baharu dari Hidayah Centre, Teratak Fitrah, Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) Sabah, warga UMS dan masyarakat sekitar UMS.

Bengkel berakhir dengan penyampaian sijil kepada semua peserta oleh Md. Razali Saibin.